



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

14 MEI 2022 (SABTU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRNAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

14 MEI 2022 (SABTU)

PGA patahkan sindiket pasaran bahan api tanpa permit

55,200 liter diesel subsidi dirampas

Oleh NUR ALINA HASSAN

BATU PAHAT – Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 5 berjaya merampas 55,200 liter minyak diesel subsidi dalam serbuan di sebuah premis di Taman Beroleh, di sini, Rabu lalu.

Serbuan pada pukul 11.30 malam itu turut menemui sembilan buah mesin berfungsi sebagai pam minyak dan 11 hos getah lut sinar bagi tujuan membekalkan diesel secara haram.

Pegawai Pemerintahnya, Superintendan Dimin Awang berkata, dalam serbuan berkenaan, pihaknya turut menahan tiga lelaki warga tempatan berusia lingkungan 24 tahun hingga 54 tahun.

"Siasatan awal mendapati sindiket ini dipercayai membekalkan minyak diesel bersubsidi tanpa permit yang sah di sekitar daerah Batu Pahat.

"Nilai rampasan kesemua diesel adalah berjumlah RM118,250. Selain itu, polis turut merampas lori tangki jenis Volvo, dua buah tangki

Polis turut merampas lori tangki jenis Volvo, dua buah tangki putih bersaiz 1,000 liter dan empat buah tangki besi bersaiz 16,000 liter hingga 20,000."

putih bersaiz 1,000 liter dan empat buah tangki besi bersaiz 16,000 liter hingga 20,000," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut beliau, keseluruhan rampasan adalah bernilai RM505,308.

"Tangkapan dan rampasan dibawa ke KPDNHEP Batu Pahat untuk tindakan lanjut bagi siasatan kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Tangkapan dan rampasan ini berjaya memutuskan satu rangkaian sindiket penyeludupan minyak diesel bersubsidi di sekitar daerah Batu Pahat," katanya.



PERALATAN mengempam minyak yang digunakan dipercayai untuk membekal kepada pelanggan tanpa permit yang dirampas PGA Simpang Renggam, Batu Pahat Rabu lalu.

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM6.99
• Daging Lembu Tempatan	RM34
• Daging Lembu Import	RM28
• Telur Gred A	RM12.45
• Ikan Kembung	RM13.99
• Minyak Masak	RM6.35
• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM2.49
• Bawang Putih	RM4.99
• Cili Merah	RM8.99
• Kubis Bulat Tempatan	RM3.99
• Tepung Gandum	RM2.30

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP